

29/08/2003

Pertingkat penguasaan industri automatif

INGATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya syarikat automatif tempatan melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi memastikan industri itu tidak berkubur seperti yang berlaku di Britain, menunjukkan Perdana Menteri begitu prihatin dengan bidang automatif selepas kita berjaya membuktikan kemampuan dalam industri berkenaan. Kejayaan Malaysia mengeluarkan pelbagai model kenderaan nasional sejak 1985, tidak bermakna kita boleh berpuas hati dengan pencapaian semasa sebaliknya perlu terus berusaha meningkatkan kualiti untuk bersaing dalam pasaran global, terutama apabila Kawasan Dagangan Bebas Asean (Afta) bagi industri automobil dilaksanakan pada 2005.

Kita perlu sedar bahawa apabila tiba tempoh berkenaan yang mana sekatan tidak lagi dikenakan terhadap pengimportan kereta, produk yang kita keluarkan terpaksa bersaing dengan pelbagai jenis kenderaan yang dihasilkan negara lain, khususnya Jepun dan Korea Selatan yang jelas lebih maju daripada kita dalam pengeluaran kenderaan pada masa ini. Oleh itu, kecuaiannya meningkatkan bidang R&D boleh menyebabkan mutu kenderaan nasional kekal di takuk lama dan seterusnya tidak boleh dijual di pasaran antarabangsa serta dalam negara. Perkara ini yang membimbangkan Dr Mahathir kerana beliau tidak mahu melihat industri automobil yang kita bina selama ini lenyap begitu saja.

Sebenarnya, syarikat automatif tempatan memiliki kebolehan dalam bidang R&D dan tidak akan menghadapi masalah mendapatkan kepakaran tempatan dalam bidang kejuruteraan serta reka bentuk bagi menghasilkan produk yang boleh menjadi kebanggaan negara. Ini sudah dibuktikan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) yang sudah mengeluarkan pelbagai jenis kereta yang berjaya menembusi bukan saja pasaran di Asia dan Afrika, malah negara Eropah yang memang terkenal cekap dalam bidang berkenaan. Kita tidak sepatutnya berasa rendah diri, sebaliknya bangun membuktikan bahawa kita juga mampu menghasilkan produk yang bermutu dan setanding dengan apa yang dihasilkan negara maju.

Kemampuan rakyat Malaysia dalam bidang R&D dan kejuruteraan automatif juga sudah terbukti dengan pembabitan dua jurutera Petronas dalam pasukan Formula Satu Sauber Petronas. Ini menunjukkan betapa cepatnya rakyat Malaysia belajar dalam semua bidang kerja. Seperti kata Perdana Menteri, jika kita buat sesuatu berkali-kali, kita akan menjadi cekap. Walaupun pada awalnya mungkin ada kesilapan, jika dibiasakan, lama-kelamaan kita akan mendapat hasil terbaik. Semangat itulah yang perlu kita terapkan di kalangan generasi muda supaya mereka bukan saja mampu menguasai bidang kejuruteraan automatif, malah mengharumkan nama negara.